

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Produk cecair, gel nikotin dikeluarkan daripada Akta Racun 1952

Ibu bapa bimbang kanak-kanak terdedah kepada e-rokok, vape

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tindakan kerajaan mengeluarkan produk cecair atau gel nikotin daripada kawalan di bawah Akta Racun 1952 bagi membolehkan pelaksanaan cukai ke atas cecair vape, berkuat kuasa semalam, mencetuskan kebimbangan banyak pihak.

Orang ramai, khususnya ibu bapa menerusi hantaran di Twitter dan Facebook, menyatakan kluatir tindakan kerajaan itu akan menyebabkan anak mereka lebih mudah mendapat akses kepada e-rokok atau vape, dan terjebak dengan tabiat serta ketagihan menghisap vape.

Nasional 8



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Rancangan mogok doktor kontrak bukan penyelesaian

Jemaah Menteri setuju tubuh Jawatankuasa Peringkat Tertinggi selesaikan isu

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Putrajaya: Jemaah Menteri bersejajir menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi bagi menangani isu doktor kontrak yang menjadi topik hangat dalam negara ketika ini.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata persetujuan itu dicapai Jemaah Menteri kelmarin, dengan jawatankuasa itu akan menggabungkan beberapa kementerian dan agensi, termasuk membabitkan Ketua Setia-

saha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Beliau berkata demikian melalui satu kenyataan semalam, susulan desas-desus kemungkinan mogok oleh doktor kontrak pada 3 hingga 5 April ini.

Selain itu, terdapat juga catatan di Instagram menggesa doktor kontrak seluruh negara tampil menyertai mogok berkenaan atau meletak jawatan secara beramai-ramai pada 1 April.

Dalam pada itu, beliau menegaskan tindakan mogok yang dirancang kumpulan doktor kontrak itu bukan jalan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan semua permasalahan yang timbul.

Ditangani secara berhemah

Sebaliknya, katanya, semua masalah itu perlu ditangani dengan pembabitkan bersama secara lebih profesional dan berhemah.

Dr Zaliha berkata, penjawat awam sama ada berjawatan tetap mahupun kontrak masing-ma-

PM jamin masalah doktor kontrak selesai dalam 3 tahun



sing tertakluk kepada integriti penjawat awam dan Etika Perkhidmatan Awam.

"KKM berpandangan mogok bukan jalan penyelesaian terbaik terhadap apa juga permasalahan yang timbul berkaitan dengan profesion pegawai perubatan atau mana-mana skim profesional yang lain.

"Sebaliknya perkara ini perlu dilihat dengan teliti memandangkan perkhidmatan kesihatan adalah suatu perkhidmatan yang kritikal kerana ia membabitkan nyawa manusia dan kesejahteraan rakyat," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kumpulan dikenali Mogok Doktor Malaysia sebelum ini berkata lebih 8,000 doktor kontrak akan melakukan mogok antara 3 hingga 5 April dengan mengambil cuti perubatan/kecemasan sebagai protes terhadap sistem tidak adil dan gaji rendah dalam sektor penjagaan kesihatan awam.

Kumpulan itu juga memberi amaran terdapat 3,000 doktor kontrak akan meletak jawatan daripada KKM pada 1 April.

Selain penyerapan semua doktor kontrak ke jawatan tetap tanpa sebarang syarat atau temu duga, kumpulan itu mendesak kenaikan gaji pokok dan kadar on-call untuk pakar perubatan dan pegawai perubatan.

Mereka juga mahu KKM menyelesaikan isu kekurangan pakar pegawai perubatan dan pegawai perubatan siswazah dengan segera.

Hartal Doktor Kontrak yang pernah terbabit dengan gerakan mogok pada 26 Julai 2021 me-

maklumkan pihaknya bersama sekutunya tiada kaitan dengan mogok terbaru yang akan diadakan itu.

Dalam pada itu, Dr Zaliha berkata, KKM sedar isu doktor kontrak ini adalah isu lama dan sudah diwarisi sejak kerajaan dulu akibat lambakan keluaran doktor di pasaran.

KKM juga, katanya, dari semasa ke semasa mengambil tindakan antaranya mewujudkan perjawatan tetap, memberi penajaan latihan kepakaran atau latihan lanjutan, kenaikan pangkat secara *time-based*, peluang kenaikan ke gred khas dan mewujudkan gred UD56 untuk pakar perubatan dan sebagainya.

"Skim kesihatan yang lain juga diambil peduli dan ditambah baik," katanya.

Rabu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan isu doktor kontrak dapat diselesaikan dalam masa tiga tahun lagi.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

RUU kawal selia produk merokok dibentangkan Mei

Langkah pastikan kawalan menyeluruh sediaan cecair nikotin dalam vape

Oleh Farah Marshita

Abdul Patah

farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) baharu yang mengawal selia semua produk merokok, termasuk bahan merokok yang mengandungi nikotin.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata RUU itu bertujuan memastikan terdapat kawalan menyeluruh terhadap sediaan nikotin atau gel mengandungi nikotin di dalam cecair rokok elektronik atau vape.

Beliau berkata, KKM menasarak

kan untuk membentangkan RUU itu pada sidang Dewan Rakyat pada Mei ini.

"KKM sudah menjalankan sesi libat urus berkenaan dasar yang ditetapkan di bawah RUU baharu ini, termasuk peruntukan Generasi Penamat Rokok (Generational Endgame, GEG) kepada semua pihak berkepentingan seperti ahli Parlimen, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan profesional dan pihak lain berkaitan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Zaliha, berkata pada masa sama, KKM akan mempergiatkan kempen advokasi kesedaran bahaya merokok, termasuk penggunaan rokok elektronik atau vape melalui Pelan Generational Endgame Anti Rokok (GEGAR).

Katanya, GEGAR akan meneruskan pelaksanaan program pencegahan merokok dan intervensi berhenti merokok di sekolah dan

institusi pengajian tinggi melalui kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Yayasan Sukarelawan Siswazah, Majlis Belia Malaysia dan NGO berkaitan.

"KKM sangat prihatin atas kebimbangan, reaksi dan maklum balas yang diterima di media massa susulan pengecualian cecair atau gel mengandungi nikotin untuk rokok elektronik atau peranti pengewapan elektronik daripada Senarai Racun dalam Jadual Pertama, Akta Racun 1952 (Akta 366).

"Pengecualian berkenaan adalah selaras dengan keputusan pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bahawa kerajaan akan mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape," katanya.



Dr Zaliha Mustafa



Kerajaan semalam melaksanakan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk rokok elektronik (e-rokok) pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml).

Dakwa guna kuasa

Sementara itu, Pengerusi Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC), Dr M Murallitharan, mendakwa Dr Zaliha menggunakan kuasanya untuk mengetepikan keputusan sebulat suara Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC), yang menolak nikotin dikeluarkan dari Akta Racun 1952.

Beliau yang juga Pengarah Urusan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) berkata, majlis berkenaan sebulat suara menolak nikotin dikeluarkan daripada akta itu bagi melindungi orang ramai daripada ketagihan nikotin.

"Seharusnya, apa yang perlu dilakukan oleh menteri adalah membentangkan dan meluluskan akta untuk mengharamkan rokok, rokok elek-

tronik (vape) dan semua alat merokok kepada golongan yang lahir selepas 2007 seperti yang dibentangkan Menteri Kesihatan terdahulu, Khairy Jamaluddin.

"Akta berkenaan mempunyai peraturannya untuk mengawal selia penggunaan vape yang menghalang penggunaannya ke atas remaja bawah 18 tahun.

"Bila akta ini sudah diluluskan, barulah dikeluarkan nikotin daripada Akta Racun," katanya kepada BH.

Beliau menambah, Dr Zaliha sebelum ini memberi jaminan akan memperjuangkan akta berkenaan, namun ia tidak berlaku seperti dijanjikan.

"Menteri kata nak bentangkan, minggu lepas pun cakap nak bentangkan, tapi yang berlaku adalah sebaliknya.

"Sekarang ini, melihatannya kerajaan hanya peduli mengenai wang dan bukan kesihatan rakyat, mahupun kanak-kanak," katanya.

'Tindakan beri isyarat halalkan vape, e-rokok'

Dari Muka 1

Rata-rata terkejut dan kecewa dengan keputusan kerajaan yang memperuntukkan nikotin, termasuk tembakau, tampalan dan gula-gula getah, cecair dan gel nikotin, dikecualikan daripada Akta Racun 1952, susulan pelaksanaan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk rokok elektronik.

Mereka berkata, kerajaan seharusnya lebih tegas mengawasi penggunaan produk nikotin dan bukan hanya mementingkan kutipan cukai berikutan banyak kajian membuktikan kemudaratan bahan itu kepada kesihatan.

Pengguna Twitter @fairuz_azmi83, mempersoalkan apa sebenarnya sudah berlaku di sebalik penguatkuasaan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk e-rokok.

"Rakyat Malaysia benar-benar terkejut dengan keputusan dibuat kerajaan ini, ibu bapa semuanya risaukan anak. Apa su-

dah jadi sebenarnya," katanya.

Khairy Basri melalui komen ditinggalkan di Facebook BH Online percaya tindakan kerajaan itu secara tidak langsung ibarat memberi isyarat menghalalkan vape dan e-rokok.

Muhammad Hasraf Nizar pula berpendapat, penetapan cukai yang memberi isyarat seperti menghalalkan vape dan e-rokok itu sebagai suatu yang bertentangan dengan dapatan kajian mengenai risiko akibat pengambilan bahan itu.

"Kementerian Kesihatan sendiri telah buat kajian cecair yang masuk ke dalam badan itu boleh menjadi penyebab masalah kesihatan, masalahnya bila KKM beritahu 'result' (hasil kajian) cecair ini bermasalah, kerajaan boleh pula nakankan cukai," katanya melalui Facebook.

Selain itu, tidak kurang juga yang memuat naik komen dalam nada menyindir mendakwa kerajaan lebih mengutamakan hasil cukai berbanding kesihatan rakyat, selain 'memuji' perokok sebagai penyumbang kepada

pendapatan negara.

Menuruti notis warta Kerajaan Persekutuan semalam, kerajaan melaksanakan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk rokok elektronik (e-rokok) pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml) menerusi notis warta Kerajaan Persekutuan.

Warta berkenaan menyebut, pengecualian itu terpakai ke atas tampalan dan gula-gula getah nikotin, yang didaftarkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Dapat akses mudah

Sebelum ini, nikotin dengan pengecualian kepada tembakau, diklasifikasikan sebagai racun Kumpulan C, yang hanya boleh dijual doktor dan ahli farmasi.

Sementara itu, Public Health Malaysia, sebuah laman advokasi kesihatan di Twitter menyedut, tindakan mengecualikan nikotin daripada Akta Racun sebelum meluluskan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022

akan menyebabkan kanak-kanak mendapat akses tanpa halangan kepada produk vape yang mengandungi nikotin.

Katanya, tindakan itu bertentangan dengan keputusan sebulat suara oleh Lembaga Racun, yang berfungsi sebagai penasihat Menteri dalam hal racun.

Tambahnya, keputusan 'menghalalkan' jualan vape itu bertujuan untuk mengutip cukai daripada cecair vape bermula 1 April.

"Rasmi. Cecair vape kini 'halal' di Malaysia. Tanpa sebarang kawalan, sesiapa sahaja, termasuk kanak-kanak boleh menjual, membeli dan mempromosi vape.

"Pelajar boleh beli tanpa kawalan. Vape menyebabkan ketagihan dan risiko kesihatan," katanya.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Prof Amrathi Buang, sebelum ini dilaporkan menggesa kerajaan menolak cadangan memberikan pengecualian nikotin kepada produk cecair atau gel nikotin daripada kawalan di bawah Akta Racun 1952.

Dalam satu kenyataan, beliau berkata, cadangan sedemikian akan memudaratkan kesihatan dan keselamatan rakyat Malaysia dan bukan untuk kepentingan negara.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Murugan Raj Rajathurai turut dilaporkan berkata, kerajaan perlu meluluskan undang-undang berkaitan kawalan produk tembakau dan merokok terlebih dahulu sebelum mengecualikan nikotin daripada Akta Racun 1952 bagi tujuan kutipan cukai untuk vape yang mengandungi bahan itu.

Beliau berkata, langkah itu penting bagi menghalang kanak-kanak daripada mendapat akses yang luas terhadap nikotin melalui produk vape.

Beliau berkata, dengan keluasan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok, baharulah kerajaan boleh memikirkan mengenai kutipan cukai terhadap vape yang mengandungi nikotin.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Tubuh jawatankuasa tangani isu doktor kontrak



ISU berkaitan doktor kontrak perlu diselesaikan segera bagi kepentingan semua pihak dalam sektor kesihatan. - GAMBAR FAIL

PUTRAJAYA - Jemaah Menteri bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi bagi menangani isu berkaitan doktor kontrak yang menjadi topik hangat ketika ini.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, jawatankuasa itu akan menggabungkan beberapa kementerian dan agensi termasuk Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Zuki Ali.

"KKM menyedari isu doktor kontrak telah lama diwarisi daripada kerajaan terdahulu sejak ia diperkenalkan pada 2016 akibat lambakan keluaran doktor di

pasaran ketika itu.

"Isu itu telah dibincangkan di mesyuarat Kabinet pada 31hb Mac 2023 yang akhirnya bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, bercakap mengenai mogok doktor kontrak, Dr. Zaliha berkata, pihaknya tidak mempunyai maklumat lanjut berkenaan perkara itu.

"KKM berpandangan, mogok bukanlah suatu jalan penyelesaian terbaik terhadap apa juga masalah yang timbul.

"Sebaliknya, perkara itu perlu

diteliti kerana perkhidmatan kesihatan merupakan suatu perkhidmatan kritikal, ekoran ia melibatkan nyawa manusia dan kesejahteraan rakyat," ujarnya.

Katanya, KKM sentiasa mengambil tindakan terhadap permasalahan serta permintaan ditimbulkan petugas kesihatan.

"Antaranya, mewujudkan perjawatan tetap, memberi penajaan latihan kepakaran atau latihan lanjutan, kenaikan pangkat secara *time-based*, peluang kenaikan ke gred khas, selain mewujudkan gred UD56 untuk pakar perubatan," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Cecair vape mula dicukai semalam

PUTRAJAYA — Kerajaan ber-setuju mewartakan duti eksais bagi cecair vape dengan kandungan nikotin pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml) dalam usaha mengenakan cukai produk cecair atau gel yang mengandungi nikotin.

Pelaksanaan cukai itu diumumkan menerusi notis warta Kerajaan Persekutuan dikeluarkan kelmarin oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut notis warta kerajaan itu, duti baharu itu akan berkuat kuasa 1 April 2023 berikutan bermulanya Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2023.

Sebelum ini, ketika perbentangan Bajet 2023, Anwar berkata, kerajaan akan mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel yang mengandungi nikotin di mana separuh daripada hasil akan diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan.

Katanya, cecair atau gel nikotin berpotensi mendatangkan hasil kepada kerajaan yang dianggarkan bernilai RM2 bilion berikutan digunakan secara meluas dalam rokok elektronik dan vape.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, tampalan, cecair dan gel nikotin bagi membantu menghentikan



KERAJAAN mengenakan duti eksais pada kadar 40 sen bagi setiap mililiter cecair vape.
— GAMBAR HIASAN

tabiat merokok telah dikecualikan daripada Akta Racun 1952.

Ia terpakai ke atas tampalan dan gula-gula getah nikotin yang didaftarkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan turut memaklumkan sedang dalam proses mengeluarkan produk cecair atau gel nikotin dalam Akta Racun 1952 sebelum melaksanakan cukai terhadap penggunaan rokok elektronik (e-rokok) dan vape.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA

Seorang pengguna di Temerloh pula jadi mangsa

'Sosej dibeli di bazar Ramadan berisi ulat'

Oleh AZIZAH SHAFIE

TEMERLOH – Kejadian pencemaran makanan dijual di bazar Ramadan bagaikan tidak berkesudahan apabila seorang lagi pengguna menjadi mangsa selepas kejadian seorang pengguna di Kuantan membeli kari-pap berkulat baru-baru ini.

Kejadian di sebuah bazar di Temerloh kelmarin begitu meloyakan apabila mangsa bukan sahaja 'terbeli' roti sosej dipenuhi ulat malah terdapat ahli keluarganya

telah memakan sosej itu.

Nor Suhaili Ismail, 38, berkata, dia membeli lima ketul roti sosej goreng yang berharga RM3 di sebuah gerai di Temerloh kelmarin sebagai juadah berbuka puasa.


"Masa berbuka puasa, suami dan seorang anak saya telah makan empat ketul roti berkenaan dan tinggal satu lagi roti sosej yang tidak dimakan kerana seorang lagi anak saya hanya mahu makan sosej.

"Apabila buka roti berkenaan saya amat terkejut sekali kerana

nampak benda bergerak, ya Allah yang bergerak itu ulat yang banyak," katanya semalam.

Ujarnya, dia tidak menyangka kejadian berkenaan berlaku pada dirinya kerana sebelum ini hanya mendengar berita pencemaran makanan yang dijual di bazar Ramadan di media massa.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, pihaknya akan melakukan semakan mengenai kejadian terbaru itu.



SOSEJ di dalam roti goreng (Gambar kecil) yang dipenuhi ulat dalam kejadian di Temerloh kelmarin.

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

Doktor kontrak tetap mogok

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN

fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Doktor kontrak tetap dengan pendirian melancarkan mogok di seluruh negara esok sehingga Rabu ini sebagai memprotes isu perjawatan mereka yang masih tergantung.

Tindakan itu jika diteruskan dikhuatiri boleh melumpuhkan operasi sektor kritikal seperti unit kecemasan hospital, pesakit luar serta klinik pakar yang berdepan kekurangan kakitangan.

Mereka juga tidak mepedulikan sumpah jawatan yang dilafaz kerana kecewa masalah lantikan ke jawatan tetap belum diselesaikan meskipun sudah

Operasi harian sektor kritikal sistem kesihatan dikhuatiri terjejas

berlanjutan tujuh tahun.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, jurucakap Mogok Doktor Malaysia dkenali sebagai Dr. Jamal berkata, beliau tidak menganggap tindakan itu mendatangkan masalah seperti dikenakan potong gaji, disenarai hitam dan dibuang kerja.

"Ini bukan masalah, sekiranya kerajaan akan mengambil tindakan terhadap kami, negara

mempunyai undang-undang. kami akan melantik peguam untuk menyaman kerajaan.

"Kami akan teruskan perjuangan melalui mogok tidak bekerja. Kami telah beri tujuh tahun untuk selesaikan masalah lantikan tetap serta imbuhan yang selayaknya kami peroleh.

"Sudah tentu kami mengangkat sumpah jawatan sebagai doktor, tetapi ini tidak bermakna kami mesti patuh terhadap diskriminasi dan penindasan dengan doktor-doktor lantikan tetap. Saya ingatkan, mogok ini tidak melibatkan sebarang perarakan atau perhimpunan," katanya di sini, semalam.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

Minda Pengarang

AZNAN BAKAR



Bila nak selesai isu doktor kita?

SEJAK Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 2018 dan hingga kini sudah empat kerajaan dan empat perdana menteri menerajui negara, namun isu yang membabitkan doktor tidak juga selesai.

Ia memberi gambaran bahawa isu membabitkan doktor kontrak ini sangat rumit, lebih rumit daripada masalah-masalah negara yang lain hinggakan walaupun setelah bertahun-tahun ia tetap menjadi duri dalam daging kepada sistem kesihatan negara.

Terbaharu, seramai 10,000 doktor kontrak di seluruh negara akan menyertai mogok esok. Jika ia menjadi kenyataan maka ia boleh melumpuhkan sistem kesihatan negara.

Penganjur kempen mogok ini pula awal-awal lagi sudah menasihati orang awam supaya tidak mengunjungi hospital awam dan klinik-klinik kesihatan pada Isnin hingga Rabu.

Pada pertengahan bulan lalu, pusat-pusat kesihatan dan hospital di England terpaksa membatalkan beribu-ribu janji temu pesakit ekoran tindakan doktor-doktor muda mogok selama 72 jam.

Hal yang sama akan berlaku di Malaysia jika mogok yang dirancang ini menjadi kenyataan. Malah orang ramai juga hairan kenapa isu ini berlaku kepada profesyen kedokteran yang bukan sahaja sentiasa dipandang tinggi dan dihormati tetapi juga sangat penting kepada masyarakat.

Cara ia dikendalikan seolah-olah memberi gambaran Malaysia ini melimpah ruah dengan doktor dan khidmat daripada kumpulan kontrak ini tidak penting. Ia sedikit sebanyak turut mendedahkan kepincangan dalam sistem kesihatan kita.

Sedangkan sejak isu itu dibangkitkan kira-kira tujuh tahun lalu, pelbagai cadangan telah dikemukakan termasuk menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan. Tetapi semuanya ibarat mencurahkan air ke daun keladi. Segala janji untuk menyelesaikan isu ini sekadar kata-kata manis tanpa makna.

Kadang-kadang kita terfikir apakah keutamaan kerajaan dalam memberi penyelesaian isu yang membabitkan kepentingan awam ini. Ramai tertanya-tanya, ketika kerajaan boleh menghabiskan berbilion ringgit untuk membeli jiwa rakyat ketika pilihan raya melalui pelbagai sumbangan, bantuan dan imbuhan, kenapa isu doktor kontrak ini tidak diselesaikan secara tuntas?

Jika isu ini selesai ia secara tidak langsung akan menyelesaikan masalah kekurangan doktor di negara ini terutama di luar bandar. Mungkin ramai tidak tahu bahawa majoriti hospital kerajaan di negara kita tidak ada pakar. Jika ada pun jumlahnya tidak ramai menyebabkan senarai menunggu untuk mendapatkan rawatan pakar termasuk pembedahan sangat lama, hingga ada yang meninggal dunia tanpa sempat mendapat rawatan.

Kita tertanya-tanya apa jadi dengan doktor kita hingga memaksa mereka turun ke jalanan bagi menyatakan protes dan mendapatkan pembelaan. Kenapa begitu sekali nasib mereka yang bergelar doktor di nagara kita.

Seperti kata sumber yang menggerakkan mogok ini: "Doktor kontrak sekarang ibarat tisu pakai buang. Semasa Covid-19 melanda, kami yang bermandi peluh malah ada meninggal dunia tetapi sekarang dibuat macam sampah, hak-hak kami tidak didengari."

Aznan Bakar adalah Pengarang Utusan Malaysia dan Minggu Malaysia

SKIM GAJI DOKTOR PERUBATAN LANTIKAN KONTRAK DAN TETAP

	Pegawai Perubatan Siswazah Kontrak (HO)	Pegawai Perubatan Kontrak (MO)	Pegawai Perubatan Tetap (MO)
Gred	UD41	UD41	UD44 ke atas
Gaji bulanan	RM2,947	RM3,397	RM3,611
Cuti Separuh gaji	Tiada	Tiada	Ada
Cuti belajar	Tiada	Tiada	Ada
Cuti menjaga anak	Tiada	Tiada	Ada
Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LLPSA)	Tiada	Tiada	Ada
Program Ijazah Sarjana	Tidak tersedia	Tiada	Ada
Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)	Tidak tersedia	Tiada	Ada

Doktor kontrak tetap mogok

Dari muka 1

Pegawai Perubatan Gred UD43 bekerja di ibu negara itu berkata, pihaknya enggan lagi termakan janji-janji manis kerajaan meskipun Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bulan lalu memberi jaminan isu doktor kontrak akan selesai dalam tiga tahun lagi.

"Maaf, kami tidak akan termakan sebarang janji lagi. Janji hanya janji seiring peralihan tiga kerajaan sebelum ini. Masa kami sudah terbuang sangat lama.

"Penindasan terhadap doktor kontrak, waktu kerja yang terlalu panjang, gaji terlalu rendah yang sepatutnya menjadi isu utama untuk kerajaan selesaikan," ujarnya.

Semalam, Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa dilaporkan berkata, Kabinet bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Tertinggi bagi menangani isu

doktor kontrak yang mengabaikan beberapa Kementerian dan agensi ekoran daripada rancangan mogok esok.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan, penganjur kempen mogok doktor kontrak menasihati orang awam supaya tidak mengunjungi hospital awam dan klinik-klinik kesihatan esok hingga Rabu ini kerana mereka mungkin terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan rawatan.

Mereka mendakwa, lebih 10,000 doktor perubatan dan doktor pelatih akan mengadakan protes dengan mengambil cuti perubatan atau kecemasan secara beramai-ramai.

Ketidakpuasan hati dalam kalangan kakitangan perubatan terutama doktor kontrak dilihat semakin meruncing apabila tular surat yang memaparkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) enggan mempertimbang kadar

bayaran bagi sistem tugas atas panggilan sebanyak 50 peratus.

Ketika membentang Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2023 bagi bacaan kali kedua di Dewan Negara baru-baru ini, Anwar berkata, Kementerian Kesihatan menerima peruntukan kedua terbesar dalam Belanjawan 2023, iaitu RM36.3 bilion, termasuk peruntukan RM3 bilion setahun untuk lantikan baharu secara tetap dan kontrak, bagi lebih 1,500 pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi.

Pada November 2021, Kementerian Kesihatan memaklumkan, seramai 4,186 daripada 10,583 pegawai perubatan kontrak yang sudah tamat perkhidmatan wajib ketika itu, sudah dinilai dan diperakui untuk lantikan tetap oleh JPA dan 3,586 daripada jumlah itu membabitkan lantikan pegawai perubatan.

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

Doktor letak jawatan tidak yakin janji KKM

PUTRAJAYA: Gesaan kumpulan Mogok Doktor Malaysia untuk meletak jawatan beramai-ramai bermula semalam, disokong beberapa doktor kontrak dan ada yang menyatakan sudah berbuat demikian sebelum kempen itu dilancarkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang doktor gigi kontrak, Ashvinaa Jeyabalan berkata, beliau tidak lagi percaya masa depan kerjayanya dengan Kementerian Kesihatan.

Beliau yang sudah berkhidmat selama tiga tahun memberitahu, sebagai seorang doktor gigi di Kementerian Kesihatan, mereka perlu melakukan banyak tugas lain yang tidak ada kena mengena dengan bidang penjagaan kesihatan dan rawatan.

"Pada asalnya saya mahu menyambung tempoh kontrak dua tahun lagi untuk jawatan tetap, tetapi saya mendapat tawaran lebih baik di sektor swasta, jadi saya ambil keputusan untuk tidak menghadiri temuduga bagi jawatan tetap itu," katanya di sini semalam.

Ashvinaa berkata, beliau sebelum ini ada membuat permohonan untuk diletakkan di bahagian pakar, namun pihak penguurusan memberitahu langkah itu perlu tunggu masa lebih lama.

Menerusi satu hantaran di Instagram akaun @mogokdoktermalaysia, mereka mendakwa lebih 8,000 doktor kontrak akan mengadakan protes dengan mengambil cuti perubatan atau kecemasan secara beramai-ramai Isnin ini.

Sementara itu, jurucakap Hartal Doktor Kontrak memberitahu, pihaknya tidak pasti kesahihan gesaan peletakan jawatan doktor kontrak beramai-ramai.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

Setuju tubuh jawatankuasa tangani isu doktor kontrak

PUTRAJAYA - Jemaah Menteri telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi bagi menangani isu doktor kontrak yang menjadi topik hangat dalam negara ketika ini, kata Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa.

Menurutnya, persetujuan bagi menubuhkan jawatankuasa yang akan menggabungkan beberapa kementerian dan agensi termasuk penglibatan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali itu dicapai oleh Jemaah Menteri pada Jumaat.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan dikeluarkan pada Sabtu susulan desas-desus kemungkinan mogok oleh doktor kontrak pada 3 hingga 5 April ini dan kemunculan catatan Instagram yang mengesakan doktor kontrak seluruh negara tampil menyertai mogok berkenaan atau meletak jawatan secara beramai-ramai pada 1 April.

Dr Zaliha berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) tidak mempunyai maklumat lanjut mengenai mogok itu, bagaimanapun berpandangan mogok bukan satu penyelesaian terbaik terhadap masalah berkaitan profesion perubatan atau mana-mana skim profesional yang lain.

"Sebaliknya, perkara ini perlu ditimbang dengan teliti kerana perkhidmatan kesihatan adalah perkhidmatan kritikal, melibatkan nyawa manusia dan kesejahteraan rakyat," menurut kenyataan itu.

Beliau berkata, kerajaan dari masa ke masa telah memberi respons terhadap permasalahan dan permintaan yang ditimbulkan oleh anggota kesihatan, antaranya mewujudkan perjawatan tetap, penajaan latihan kepakaran atau latihan lanjutan, kenaikan pangkat secara *time-based*, peluang kenaikan ke gred khas dan mewujudkan gred UD56 untuk pakar perubatan dan sebagainya.

Katanya, KKM sentiasa peka dengan masalah dan permintaan yang ditimbulkan serta memastikan ia diteliti, sesuai dengan isu semasa dan diberi penyelesaian sewajarnya berdasarkan kepada kemampuan ekonomi negara.

"Justeru, mogok bukan penyelesaian terbaik dan selaku penjawat awam, sama ada berjawatan tetap atau kontrak, mereka tertakluk kepada integriti penjawat awam dan Etika Perkhidmatan Awam," kata Dr Zaliha. - *Bernama*

Kerajaan kuatkuasakan cukai cecair vape

Sementara itu, nikotin termasuk tembakau, cecair dan gel nikotin dikecualikan daripada Akta Racun 1952

Oleh NAZRIN ZULKAFLI
SHAH ALAM

Cukai ke atas penjualan cecair vape pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml) bagi rokok elektronik yang mempunyai kandungan nikotin berkuat kuasa pada Sabtu.

Pelaksanaan cukai tersebut diumumkan menerusi satu notis warta Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat.


Berdasarkan notis warta tersebut, duti bahu itu berkuat kuasa berikutan bermulanya Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2023.

Pada 24 Februari, *Sinar Harian* melaporkan kerajaan bercadang mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape.

Jelas Anwar yang juga Menteri Kewangan dalam pembentangan Belanjawan 2023, dianggarkan sehingga RM2 bilion mampu dihasilkan melalui duti eksais tersebut berikutan penggunaan yang meluas.

Menurut Anwar, pelaksanaan duti tersebut adalah langkah untuk tidak menggalakkan penggunaan rokok elektronik itu.

Sementara itu, satu warta berkenaan nikotin termasuk tembakau, tampalan dan gula-gula getah, cecair dan gel ni-



Cukai ke atas penjualan cecair vape pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml) bagi rokok elektronik yang mempunyai kandungan nikotin berkuat kuasa pada Sabtu. - Gambar hiasan

kotin dikecualikan daripada Akta Racun 1952 telah dikeluarkan oleh Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa.

Warta tersebut memaklumkan, pengecualian berkenaan terpakai ke atas tampalan dan gula-gula getah nikotin yang didaftarkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Dr Zaliha menjelaskan, lanjutan pengecualian itu, sediaan cecair atau gel mengandungi nikotin untuk tujuan merokok menggunakan rokok elektronik atau peranti pengewapan elektronik kini adalah suatu barangan berduti eksais dan dikawal di bawah Akta Eksais 1976 (Akta 176).

Beliau berkata, bagi memastikan terdapat kawalan menyeluruh terhadap sediaan nikotin atau gel mengandungi nikotin di dalam cecair rokok elektronik atau vape, KKM akan membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) baharu yang akan mengawal selia perkara tersebut.

Jelasnya, KKM menyasarkan untuk membentangkan RUU baharu tersebut dengan segera pada Mesyuarat Kedua,

Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas yang dijadwalkan pada bulan Mei 2023.

"KKM telah menjalankan sesi libat urus berkenaan dasar yang telah ditetapkan di bawah RUU baharu ini termasuk peruntukan Generasi Penamat Rokok kepada semua pihak berkepentingan seperti ahli Parlimen, badan bukan kerajaan, badan profesional dan pihak lain yang berkaitan," katanya.

Dr Zaliha berkata, KKM akan mempergiatkan kempen advokasi kesedaran bahaya merokok termasuk penggunaan rokok elektronik atau vape melalui Pelan Generational Endgame Anti Rokok (Gegar).

"Ia adalah dengan meneruskan pelaksanaan program pencegahan merokok dan intervensi berhenti merokok di sekolah dan institusi pengajian tinggi melalui kerjasama bersama Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Yayasan Sukarelawan Siswazah, Majlis Belia Malaysia dan badan-badan bukan kerajaan yang berkaitan," jelas beliau.

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NATION / NEWS

NewSundayTimes • APRIL 2, 2023

4 | NEWS / Nation

NICOTINE EXCLUDED FROM POISONS ACT 1952

TOBACCO BILL TO BE TABLED NEXT MONTH

After backlash over nicotine deregulation, health minister gives assurance that law will include controls over vapes

ILYIA MARSYA ISKANDAR
 AND ALIZA SHAH
 KUALA LUMPUR
